



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْاِخْوَانِ اِلَامِ سَابَاہِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

07 SAFAR 1447H/ 01 OGOS 2025M

“PAHLAWAN NEGARA – SYUHADA YANG TIDAK DILUPAKAN”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Sempena Sambutan Hari Pahlawan Tahun 2025

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَمَنْ جَاهَدَ فَإِنَّمَا يُجَاهِدُ لِنَفْسِهِ إِنَّ اللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٦﴾ (سُورَةُ الْعنْكَبُوتِ: 6)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian pada khutbah ini dan janganlah sibuk dengan perkara lagha seperti bermain telefon bimbit. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini bertajuk; ***“Pahlawan Negara - Syuhada Yang Tidak Dilupakan”***.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Pada hari ini, kita memperingati Hari Pahlawan iaitu hari yang membawa makna besar dalam sejarah negara kita. Ia bukan sekadar peringatan tahunan, tetapi satu seruan untuk kita mengenang pengorbanan para pejuang yang telah menumpahkan darah dan keringat demi kemerdekaan dan keamanan yang kita nikmati hari ini.

Islam sendiri tidak memandang ringan peranan seorang pahlawan. Seorang pahlawan dalam Islam bukan hanya mereka yang mengangkat senjata di medan perang, tetapi sesiapa sahaja yang berjuang mempertahankan agama, tanah air, maruah dan kebenaran, maka dia adalah pejuang yang mulia di sisi Allah SWT.

Diriwayatkan daripada Sa'id bin Zaid *radhiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ ، قُتِلَ دُونَ دِينِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ ، وَمَنْ قُتِلَ دُونَ دَمِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ ،
وَمَنْ قُتِلَ دُونَ أَهْلِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ ،

Maksudnya: “Sesiapa yang mati kerana mempertahankan hartanya, dia mati syahid. Sesiapa yang mati kerana mempertahankan agamanya, dia mati syahid. Sesiapa yang mati kerana mempertahankan darahnya, dia mati syahid. Dan sesiapa yang mati kerana mempertahankan keluarganya, dia mati syahid”. (H.R. Abu Daud dan at-Tirmidzi)

Inilah penghormatan tinggi yang diberikan Islam kepada mereka yang berkorban demi masyarakat, demi tanah air dan demi keselamatan umat. Dalam sejarah Islam juga, tercatat ramai yang dikenali sebagai pahlawan antaranya Rasulullah SAW sendiri, juga para sahabat Baginda seperti Khalid al-Walid, Salahuddin al-Ayyubi, dan ramai lagi. Mereka ialah contoh pahlawan sejati yang berjuang dengan iman dan keikhlasan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kita tidak harus lupa bahawa keamanan yang kita kecapi hari ini merupakan hasil keringat dan darah para pahlawan yang sanggup berkorban sejak dari zaman penjajahan Portugis, Belanda, British dan Jepun, sehinggalah ke era darurat menentang komunis.

Mereka berjuang bukan untuk nama, bukan juga untuk kemewahan. Ramai antara mereka gugur sebagai syuhada, disemadikan di tanah sunyi tanpa pusara yang dikenal. Tetapi Allah Maha Mengetahui dan tidak pernah mensia-siakan pengorbanan hamba-Nya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Ankabut ayat 6:

وَمَنْ جَاهَدَ فَإِنَّمَا يُجَاهِدُ لِنَفْسِهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya: “Dan sesiapa yang berjuang (menegakkan Islam) maka sesungguhnya dia hanyalah berjuang untuk kebaikan dirinya sendiri; sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatupun) daripada sekalian makhluk.”

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Hari ini, perjuangan kita masih belum selesai. Musuh tidak lagi datang dengan senjata, tetapi dengan racun pemikiran, perpecahan kaum, keruntuhan moral dan kebencian terhadap agama. Maka menjadi tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia, khususnya umat Islam, untuk menjadi benteng terakhir mempertahankan negara dan ummah daripada kehancuran.

Kita mesti menyemai nilai patriotisme dan kesedaran agama kepada anak-anak kita. Jangan biarkan generasi akan datang buta sejarah, lupa jasa pahlawan dan memandang ringan pengorbanan masa lalu. Cintailah negara ini. Pertahankannya dari anasir kebencian, perpecahan dan kemaksiatan. Kerana jika negara ini hancur, di manakah lagi tempat untuk anak cucu kita?

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Mari kita sama-sama mendoakan para pahlawan negara dari peringkat awal hinggalah ke saat ini. Moga Allah merahmati mereka, mengangkat darjat mereka sebagai syuhada, dan memberikan kekuatan kepada kita untuk menjadi pewaris perjuangan yang ikhlas dan setia.

Marilah juga kita tanamkan satu azam untuk menjadi umat yang mencintai agama dan tanah air. Kita bukan sekadar pembaca kepada sejarah, tetapi pewaris kepada perjuangan. Mari kita buktikan kecintaan itu dengan tetap taat kepada Allah, mengamal sunnah Rasulullah SAW serta menjaga keharmonian, dan menghindari fitnah serta permusuhan.

Jangan sia-siakan pengorbanan para pahlawan. Jangan khianati tanah air ini. Jadilah umat yang benar-benar membela Islam dan negara, bukan merosakkannya dari dalam.

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Justeru menyimpul khutbah pada hari ini, renungkan beberapa intipati berikut;

Pertama: Islam tidak memandang ringan peranan seorang pahlawan kerana sesiapa sahaja yang berjuang mempertahankan agama, tanah air,

maruah dan kebenaran, maka dia adalah pejuang yang mulia di sisi Allah SWT.

Kedua: Perjuangan mempertahankan negara dan agama belum berakhir dan kini ia menuntut kewaspadaan terhadap ancaman pemikiran dan keruntuhan nilai.

Ketiga: Kita semua pewaris kepada perjuangan para pahlawan dalam mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan negara kita.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah at-Taubah ayat 111:

* إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنْ لَهُمُ الْجَنَّةُ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ ۚ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١١١﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh Syurga. Mereka berjuang pada jalan Allah, maka di antara mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Balasan Syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (kitab-kitab) Taurat dan Injil serta al-Quran. Maka siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya selain Allah SWT? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

JEMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Negara kita Malaysia umumnya dan Negeri Sabah khasnya dikurniakan Allah SWT dengan kekayaan serta kepelbagaian sumber alam sama ada di daratan mahupun di lautan. Maka sebagai seorang rakyat negara yang berdaulat ini, kita turut bertanggungjawab untuk mempertahankan kelestarian sumber alam. Justeru sebagai sokongan dan solidariti kita terhadap usaha ini, maka usaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah menganjurkan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan tahun 2025 yang bermula pada 1-3 Ogos bertempat di Sabah International Convention Centre (SICC). Sambutan ini sebagai satu usaha berterusan kerajaan untuk menilai, mengukur serta menyebarkan maklumat berkaitan industri, teknologi sekaligus sebagai motivasi kepada para peladang, penternak dan nelayan melalui pengiktirafan yang diberikan kepada mereka. Untuk itu, marilah kita berdoa semoga Allah SWT sentiasa menaungi negara kita dengan hidayah dan reda-Nya.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمُ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.